

UM 27 SEP 2002

Nik Aziz

dituntut

**buat penjelasan
kepada ahli-ahli**

KOTA BHARU 26 Sept. — Mursyidul Ām Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini didesak supaya memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana mengatakan beliau tidak tahu membaca al-Quran.

Ahli perniagaan, Mohd. Zain Yasim berkata, Menteri Besar Kelantan itu juga dituntut supaya membuat penjelasan kepada ahli-ahlinya tentang kesilapan yang didakwanya sebagai tersalah cakap.

Tegas beliau, permohonan maaf kepada Dr. Mahathir mungkin jalan yang terbaik untuk menangani isu tersebut daripada terus berpanjangan tetapi Nik Abdul Aziz mesti bertanggungjawab atas kesilapan yang telah dilakukan.

“Firman Allah s.w.t yang bermaksud setiap amalan seseorang itu hendaklah disertai dengan niat, seolah-olah tidak dipraktikkan oleh Nik Abdul Aziz setiap kali melakukan kesilapan.

Sedangkan sebagai seorang pemimpin yang didakwa sebagai ulama sepatutnya lebih peka dan cermat dalam setiap gerak laku dan kenyataannya,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas lanjut kenyataan Nik Abdul Aziz yang mengakui tersalah cakap apabila mengatakan bahawa Dr. Mahathir tidak tahu membaca al-Quran.

Nik Abdul Aziz dalam sidang akhbar khasnya semalam sebaliknya menjelaskan, apa yang hendak dikatakan ialah Perdana Menteri tidak tahu berbahasa Arab.

Beliau juga berharap agar penjelasan itu dapat memperbetulkan kekeliruan yang mungkin timbul ekoran kenyataannya sebelum ini.

Mohd. Zain menambah, semua pihak sepatutnya sedar bahawa kesilapan boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja termasuklah mereka yang mendakwa dirinya sebagai ulama seperti Nik Abdul Aziz.

“Jangan terlalu mudah memperkotak-katikan pemikiran orang awam hanya semata-mata untuk menarik perhatian mereka demi kepentingan tertentu,” katanya.

Nik Abdul Aziz didakwa mengeluarkan kenyataan itu ketika berucap pada satu majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Agama Beris Lalang, di Bachok, kira-kira pukul 11 malam Jumaat lepas.